

02 JUN 2003

Mahathir-Bush

SIKAP BUSH TIDAK CERMINKAN KENYATAAN HUHTALA - DR MAHATHIR

Oleh: Yong Soo Heong

LAUSANNE, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush di Sidang Kemuncak G8 sebagai mesra.

Beliau berkata walaupun ucapan Bush pada mesyuarat itu membayangkan kedudukan Amerika sebagai sebuah kuasa besar, beliau dilihat "agak mesra" dalam caranya bertanya khabar.

Ia jelas tidak mencerminkan kenyataan yang dibuat oleh Duta Besar Amerika ke Malaysia, Marie T. Huhtala, katanya pada sidang akhbar untuk media Malaysia di sini.

Dua minggu lepas, Huhtala memberitahu sebuah forum perniagaan bahawa hubungan Amerika dengan negara-negara Asia Tenggara akan terjejas jika pemimpinnya terus mengkritik dasar luar Washington.

Kenyataan yang telah turut dimuatkan di laman web kedutaan itu tidak ditujukan khusus kepada Malaysia atau Dr Mahathir yang lantang menyuarakan rasa kurang senang dengan sebahagian dasar luar Amerika seperti pencerobohan yang diketuainya terhadap Iraq.

Dr Mahathir yang berada di sini untuk menghadiri Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota di Evian, berkata Bush telah menepuknya dari belakang semasa mereka menghadiri mesyuarat berkenaan di bandar di Perancis itu pada Ahad.

Apabila ditanya adakah beliau kemudiannya menepuk kembali belakang Bush, Dr Mahathir menjawab: "I don't pat people's back." (Saya tidak tepuk belakang orang).

Sebelum Bush meninggalkan mesyuarat itu beliau bersalaman juga, katanya.

-- BERNAMA

SHY JR RON